

SELASA • 24.03.2015

# UTUSAN KOTA

## MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang



**Petunjuk**

- Laluan Sungai Buloh-Kajang
- Laluan Basah Tanah MRT
- Sesuai MRT
- Stesen Pertukaran MRT
- Stesen Pertukaran dengan KTM
- Stesen Pertukaran dengan RapidKL
- Medan Kereta



KERJA-KERJA pembinaan terowong bawah tanah di Jalan Alor, Bukit Bintang, Kuala Lumpur giat dilaksanakan.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mendengar penerangan Pengarah Projek Mass Rapid Transit (MRT), Marcus Karakashian (lima kanan) ketika meninjau kerja-kerja pembinaan hub pengangkutan awam laluan bawah tanah MRT di Stesen Cochrane, baru-baru ini. Turut sama, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan (tiga kanan) dan Shahril Mokhtar (dua kanan). - BERNAMA

MRT tulang belakang sistem pengangkutan awam di bandar raya

# Manfaat kepada rakyat

### 7 SOALAN

**CABARAN** Datuk Seri selepas dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp. **DATUK SRI SHAHRIL** Cabaran utama adalah memastikan kerja-kerja pembinaan projek MRT dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan dan menepati kos yang disasarkan. Ini penting kerana projek tersebut merupakan aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri untuk menjadikan pengangkutan awam bertaraf mod pengangkutan utama khususnya bagi semua penduduk di Lembah Klang.

**Bagaimana** Datuk Seri melihat perkembangan sistem pengangkutan awam di negara ini?

Perkembangan sistem pengangkutan awam di Malaysia semakin meningkat, khususnya di Lembah Klang. Jumlah penduduk di Lembah Klang dijangka akan meningkat daripada enam juta hingga 10 juta menjelang 2020, dengan peningkatan kenderaan persendirian meningkat hampir 600,000 buah kereta setiap tahun. Oleh itu, inisiatif seperti pembinaan sistem MRT, peminangan sistem transit aliran ringan (LRT) serta menambah baik sistem Keretapi Tanah Melayu (KTM) penting untuk menyokong perkembangan yang pesat. Usaha lain termasuk menambah bilangan perhentian bas, penstrukturan semula rangkaian bas, mempertingkatkan penguatkuasaan dan meningkatkan integrasi fizikal semua stesen.

Tidak terkecuali integrasi antara semua rangkaian kereta api dan pengangkutan awam yang lain. Semua usaha ini diterajui oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), sebagai badan yang ditugaskan untuk merancang sistem pengangkutan awam negara.

**Perkembangan keseluruhan projek MRT setakat ini?**

Tahap perkembangan keseluruhan projek MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang setakat 29 Februari lalu adalah sebanyak 60.63 peratus. Bagi kerja-kerja bawah tanah

### MUKADIMAH

Penggunaan pengangkutan awam dapat mendatangkan pelbagai manfaat khususnya menjimatkan perbelanjaan, mengurangkan kesesakan lalu lintas, penggunaan petrol, dan risiko kemalangan di jalan raya disebabkan kurangnya jumlah kenderaan di jalan raya.

Oleh itu, projek Transit Aliran Massa (MRT) sebagai pengangkutan awam bertaraf dunia akan memberi banyak manfaat kepada orang ramai

di Lembah Klang yang dijangka mampu menjadi penyelamat kepada masalah kesesakan lalu lintas.

Ikuti temubual Wartawan Utusan Malaysia, **MOHD. ZULFADLI SHARIFUDIN** untuk mendapatkan pandangan Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (**MRT Corp**), **DATUK SRI SHAHRIL MOKHTAR** berhubung projek MRT di Lembah Klang.

yang lebih laju.

**Ada dakwaan mengatakan projek MRT turut dikaitkan dengan banjir kilat dan keretakan jalan raya?**

Kami proaktif dalam memastikan tapak pembinaan dijaga dengan keadaan bersih dan sistem saliran di tapak pembinaan dijaga dengan baik. Segala aduan mengenai banjir kilat dan jalan rosak berkaitan dengan projek MRT boleh dibuat ke

talian aduan 24jam di 1-800-82-6868. Aduan yang dimaklumkan akan dilaporkan dan pihak kontraktor akan membuat siasatan dan mengambil tindakan seterusnya. Kami mempunyai prosedur operasi standard dalam menangani hal sebegini dan sedang aduan yang dikenal pasti tidak akan diabaikan.

**Bagaimana dengan tahap keselamatan di tapak projek?**

Isu keselamatan adalah suatu isu yang sangat dititikberatkan dalam industri pembinaan kerana ia antara industri yang paling berbahaya di dunia. Sikap sesetengah kontraktor yang mengambil remeh isu keselamatan yang telah lama diamalkan dan menjadi budaya dalam sektor ini menjadi salah satu penyebab terjadinya insiden-insiden yang tidak diinginkan.

MRT Corp. dan Rakan Pelaksana Projek (RPP) telah mengambil beberapa langkah dalam mengatasi isu tersebut. Antaranya, latihan keselamatan bagi semua pekerja dan staf. Bagi mereka yang telah mengambil latihan tersebut, mereka akan menerima 'Passport Keselamatan' (Safety Passport).



TAHAP keselamatan pekerja dan orang awam sentiasa diutamakan semasa kerja-kerja pembinaan projek MRT dilaksanakan. - UTUSAN / FAISOL MUSTAFA

### info

#### INFO

- > Fasa pertama projek MRT yang melibatkan laluan dari Sungai Buloh ke Semantan dijangka dibuka pada Disember tahun depan, manakala fasa kedua melibatkan laluan ke Kajang bakal dibuka pada Julai 2017.
- > Setiap tren MRT mempunyai empat gerabak dan setiap tren dapat membawa sejumlah 1,200 orang.
- > Seramai 400,000 penumpang dijangka menggunakan MRT Sungai Buloh-Kajang setiap hari.
- > Perkhidmatan jalur lebar mudah alih WiFi disediakan di dalam tren.
- > Mempertingkatkan kelancaran sistem bas pengantara, memperuntukkan lokasi yang strategik untuk pengguna awam diturunkan dan kenderaan persendirian dan awam.
- > Inisiatif 'Park n Ride', iaitu kemudahan tersebut adalah tempat letak kereta dengan sambungan pengangkutan awam yang membolehkan pengguna menuju ke pusat bandar dan juga laluan pejalan kaki berbumbung.

#### MANFAAT MRT

- > 130,000 pekerjaan dijana semasa pembinaan
- > Peningkatan produktiviti kerana mobiliti yang baik (kurang masalah kesesakan trafik)
- > Peningkatan nilai hartanah
- > Mendorong pembangunan baharu terutamanya bagi kawasan-kawanan yang dilalui jajaran laluan MRT.